



SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 21 Januari, 2020 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj hari ini berkenan berangkat ke Majlis Pemakaian Pangkat kepada dua anakanda Baginda, KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah, dan Yang Amat Mulia Tengku Panglima Raja, Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara.

Turut hadir di majlis ini ialah kerabat-kerabat Diraja Pahang serta Panglima Angkatan Tentera YBhg Jeneral Tan Sri Datuk Sri Affendi Buang, Panglima Tentera Darat YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut YBhg Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara YBhg Jeneral Datuk Seri Ackbal Abdul Samad.

Majlis Pemakaian Pangkat Leftenan Muda kepada Tengku Hassanal dan Leftenan Kolonel kepada Tengku Amir ini amat bermakna kerana telah disempurnakan oleh Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah sendiri.

Susulan Pemakaian Pangkat ini, Tengku Hassanal akan ditugaskan di 4 Briged Mekanize, Batalion Ke-12 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Pahang, manakala Tengku Amer pula di Batalion Pertama Rejimen 505 (Askar Wataniah), Pahang.

Tengku Hassanal telah menamatkan pengajian ketenteraan di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, United Kingdom pada bulan Disember 2019, selepas menjalani latihan di akademi tersebut selama 44 minggu.

Baginda adalah antara 242 pegawai kadet yang ditauliahkan di perbarisan Sovereign's Parade di Sandhurst, yang dirasmikan oleh HRH Sophie, Countess of Wessex, sebagai mewakili Ratu Elizabeth II pada 13 Disember 2019.

Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah turut berangkat ke majlis perbarisan pentauliahkan Tengku Hassanal tersebut.

Akademi Ketenteraan Diraja Sandhurst merupakan pusat latihan tentera tersohor dunia. Al-Sultan Abdullah juga telah menjalani latihan ketenteraan di Akademi Ketenteraan Diraja Sandhurst dari 1978 sehingga 1979 dan ditauliahkan oleh Ratu Elizabeth II pada tahun 1980.

Antara lain yang menjalani latihan ketenteraan di akademi tersebut ialah Sultan Brunei KDYMM Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien; DYMM Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Sultan Terengganu KDYMM Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan Raja Muda Selangor DTYM Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Istana Negara

21 Januari 2020

* Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi Ketua Unit Komunikasi Istana Negara, En. Muzli Mohd Zin, di 019-389 7022 atau Pegawai Perhubungan Awam, En. Mohd Husni Yusop, di 012-469 7758.